

21 OCT 1999
Samy Vellu (Fokus Berita)
MERINTIS JALAN SELEPAS 20 TAHUN

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Sebagai perintis lebuh raya utama negara, Datuk Seri S. Samy Vellu memasuki tahun ke-20 sebagai menteri persekutuan esok, 11 hari selepas menjadi presiden MIC paling lama berkhidmat.

Beliau dilantik Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam (kini Menteri Kerja Raya) pada 22 Okt 1979 selepas mengambil alih kepimpinan MIC berikutan kematian Tan Sri V.Manickavasagam pada 12 Okt tahun yang sama.

Selepas dianugerahkan gelaran "Man of the Year" oleh Persekutuan Jalan Raya Antarabangsa pada 1990, Samy Vellu merupakan tunggak dalam merealisasikan projek Lebuh Raya Utara Selatan sejauh 848 km berharga RM6 bilion, yang menjadi lambang kejayaan kerjayanya.

Samy Vellu telah memainkan peranan di belakang beberapa projek nasional seperti Lapangan Terbang Antarabangsa KL yang canggih di Sepang dan jambatan Pulau Pinang, satu daripada jambatan terpanjang di Asia.

Ini dilakukan walaupun pernah berkhidmat sebagai Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos dari 1989 ke 1995 sebelum kembali ke "kubu lamanya" di Kementerian Kerja Raya.

Sebagai wakil tunggal masyarakat India dalam kabinet, Samy Vellu berazam untuk terus menyuarkan aspirasi masyarakatnya "tanpa rasa takut dan pilih kasih" walaupun terdapat kritikan bahawa tidak banyak yang telah dibuat oleh MIC bagi kaum India.

"Saya telah diamanahkan dengan tanggungjawab penting dan saya telah berbuat yang terbaik untuk menyuarkan aspirasi masyarakat India tanpa rasa takut," katanya dalam satu temubual di kediamannya di sini hari ini.

"Tugas kami belum selesai," kata pemimpin berusia 62 tahun itu sambil menyandarkan dirinya pada kerusi untuk mengimbuai pencapaian MIC sejak beliau mengambil alih pucuk pimpinannya.

Sambil menyelar pengkritik yang mendakwa MIC tidak banyak menyumbang kepada masyarakatnya, Samy Vellu berkata mereka gagal menyedari betapa banyaknya kemajuan yang telah dicapai oleh masyarakat India sejak 20 tahun lepas.

Beliau berkata masalah kaum India tidak pernah diabaikan dan pelbagai tindakan yang sesuai telah diambil untuk mengatasinya.

Setiap hari sejak sebulan lepas, Samy Vellu akan pulang ke rumah selepas jadual yang sibuk untuk "mencatatkan" ilhamnya dan pencapaian parti dalam komputer notebooknya, kadang-kadang sehingga awal pagi.

Ia akan didokumentasikan dalam sebuah buku yang akan diedar kepada anggota MIC "supaya mereka boleh berbangga dengan pencapaian mereka," katanya.

Sebaik sahaja mengambil alih daripada Manickavasagam, Samy Vellu, sebagai pemangku presiden parti, mula "menyusun (MIC)."

Selepas dilantik sebagai presiden MIC pada 1981, beliau dengan bangganya mengumumkan kepada anggota partinya bahawa MIC "bukan lagi sebuah parti yang penuh dengan perselisihan dan pergaduhan".

Lapan belas tahun kemudian, Samy Vellu masih mampu menyatakan bahawa "sebagai Presiden Kongres India Malaysia, disiplin parti telah wujud".

"Kita telah membuka pintu kepada setiap orang India yang layak untuk menyuarkan aspirasi mereka secara sah dan melaksanakan hak demokrasi mereka menerusi parti," katanya.

Samy Vellu berkata sejak beliau memegang jawatan pemangku presiden MIC pada 1979, beberapa perubahan telah dilaksanakan bukan sahaja dalam parti

tetapi juga bagi pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat India.

Sambil merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata bahawa menerusi kerajaan Barisan Nasional, MIC mampu membawa pelbagai perubahan pada status ekonomi dan sosial masyarakat India.

"Kita sedang menuju ke alaf akan datang dan kita mahu memastikan bahawa masyarakat India Malaysia dapat hidup setanding dengan bangsa lain dan bergerak ke depan bagi merealisasikan objektif negara maju," katanya.

Ahli sosiologi Dr Denison Jayasooria, yang mengetuai kumpulan pemikir MIC diberi nama Yayasan Strategik Sosial, berkata Samy Vellu akan dapat memainkan peranan sebagai "pemimpin yang membangunkan MIC" dengan rangkaian 4,084 cawangan dan 510,500 anggota.

Memetik ungkapan popular Samy Vellu bahawa "MIC adalah sebuah parti askar dan bukan hanya jeneral", beliau merakamkan penghargaan kepada Samy Vellu yang "bukan sahaja berperanan dalam memperkukuhkan struktur parti dan keanggotaannya tetapi juga mewujudkan imej dan semangat baru bagi parti."

-- BERNAMA

ES RHM MAI